

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Mingguan Malaysia

TARIKH : Ahad, 4 September 2016

M/S : 36

36 SENI & BUDAYA

ULASAN BUKU



Himpunan dokumen sejarah

"INILAH ketika yang sehabis besar ertinya kepada umat Malaya kerana apabila berbunyi sahaja jam menandakan 12.00 tengah malam, lahirlah sebuah negara baru, satu bangsa yang akan berdiri bebas dan merdeka. Kepada sekalian orang Malaya inilah satu ketika yang amat bersejarah, satu ketika yang sudah lama kita nantikan. Kita berdoa ke hadirat Tuhan Subhanahu Wataala. Inilah satu ketika untuk kita menyambutnya dengan perasaan syukur, ria dan riang.

"Marilah kita sekalian sujud menyembah Tuhan sama ada di masjid bagi orang Islam atau gereja atau di mana-mana juga yang orang Malaya beribadat kepada-Nya. Bersyukurilah kita kepada Tuhan kerana limpah rahmat yang dikurniakan atas hambanya yang hina dan lemah. Satu bintang baru yang bersinar telah terbit menerangkan lahirnya satu bangsa Asia yang merdeka."

Itulah kata-kata bersejarah Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menjelang sambutan malam kemerdekaan yang memberi makna yang sangat besar kepada kita sebagai satu bangsa dan negara yang merdeka daripada segala bentuk penjajahan luar. Petikan kata keramat itu termuat sebagai kata pengantar dalam buku *Katalog Buku Kemerdekaan* yang

- **Judul:** *Katalog Buku Kemerdekaan*
- **Penulis:** Sidang Editor PNM
- **Penerbit:** Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)
- **No. ISBN:** 978-967-931-211-9
- **Pengulas:** Shaharom TM Sulaiman, **Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Puncak Perdana**
- shaharomtm@yahoo.com

diterbitkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Buku katalog ini menghimpunkan sinopsis 114 buah buku berkaitan kemerdekaan Malaysia yang terdapat dalam koleksi PNM. Buku-buku yang dimuatkan dalam katalog ini merakamkan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan tanah air serta kisah tokoh-tokoh negarawan.

Selain itu, karya sastera dalam bentuk novel, cerpen dan puisi nukilan penulis tempatan yang diilhamkan dan jerih payah rakyat menempuhi ranjau kehidupan semasa peringkat awal kemerdekaan juga dimuatkan dalam buku ini.

Maklumat yang terkandung dalam buku ini perlu diketengahkan dan dihayati oleh semua peringkat masyarakat bagi memupuk semangat cintakan negara dan menghargai erti

kemerdekaan.

Terbitan ini boleh dijadikan sumber rujukan utama untuk mendapatkan maklumat mengenai sejarah kemerdekaan negara. Ia amat membantu khususnya para penyelidik yang membuat kajian sejarah kenegaraan dan patriotisme. Katalog ini dibahagikan kepada empat bidang atau subjek untuk memudahkan membuat rujukan iaitu sejarah kemerdekaan.

Antara buku yang dikategorikan dalam kategori ini ialah *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19* oleh Buyong Adil; Kategori kedua ialah subjek tokoh-tokoh kemerdekaan, antara buku dalam kategori ini ialah *Autobiografi politik tiga generasi: Dato' Onn Jaafar, penganjur besar bangsa Melayu* oleh Dharmala N.S., kategori ketiga pula adalah pengisian kemerdekaan, antara buku yang tersenarai ialah *The Culture and practice of pluralism in post-independence Malaysia* oleh Abd. Rahman Embong, manakala kategori keempat ialah novel/cerpen/puisi dan antara buku yang termuat adalah *Aksara Merdeka: Antologi puisi* untuk teks sayembara deklamasi puisi bulan kemerdekaan.

Buku katalog ini bukan sahaja menjadi rujukan yang penting tetapi sebenarnya ia menghimpun dokumen abadi sejarah negara kita.